



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 4 /2001
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berhak untuk mendapatkan Pengurniaan Tambang Bagi Menunaikan Fardu Haji adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan-permohonan mereka untuk dipertimbangkan bagi Musim Haji Tahun 2002 Masehi [1422 Hijriah]. Permohonan-permohonan hendaklah sampai ke Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 14 Julai 2001 dan permohonan-permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan. Syarat-syarat bagi pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang boleh memohon tambang ini adalah seperti syarat-syarat yang terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 8/1997 Ruj: JPM/SK/8/1977 bertarikh 29 Zulhijjah 1417 bersamaan dengan 7 Mei 1997 kecuali perkara-perkara 3 dan 5 dalam Surat Keliling tersebut diubah seperti berikut:-

1. Perkhidmatan selama 15 tahun bererti perkhidmatan tetap bergaji bulan, dari sebulan kesebulan atau open-vote dikira dari tarikh mula berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji bulan hinggalah pada **14 Julai 2001** tetapi tidak termasuk perkhidmatan bergaji hari.
2. Mereka yang telah dikurniakan tambang bagi menunaikan fardu Haji bagi **Musim Haji Tahun 2001 Masehi [1421 Hijriah]** yang tidak meneruskan pemergiannya dan berhajat untuk menunaikannya pada **tahun 2002M/1422H** adalah dikehendaki untuk menghantar borang permohonan yang baru bagi dipertimbangkan semula.

Kedua-dua perkara 1 dan 2 di atas adalah bagi menggantikan perkara-perkara 3 dan 5 dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 8/1997 yang tersebut di atas. Surat Keliling ini adalah bagi menggantikan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 6/2000.


(DATO PADUKA HAJI ADANAN BIN BPSK DATO Hl MD YUSOF)

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan BA 1000,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Ruj: (4) JPM/SK/2001

28 Zulhijjah 1421

Tarikh: 24 Mac 2001